



KENYATAAN MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN MENGENAI LAPORAN AUDIT NEGARA 2012

Saya sudah mengarahkan Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai kanan Kementerian saya, untuk memberi maklum balas terkini mengenai pendedahan yang dibuat dalam laporan Ketua Audit Negara 2012, sebagaimana yang dilaporkan baru-baru ini.

Ini bukan saja membabitkan laporan dan jawapan yang telah diberikan kepada Ketua Audit Negara sebelum ini, tetapi turut merangkumi maklum balas dan cadangan penambahbaikan yang wajib dilaksanakan supaya kelemahan ini tidak berulang di masa akan datang.

Sebaik saja maklum balas terkini diterima, saya akan memuat naikkan maklumat tersebut menerusi laman web kementerian. Ini untuk membolehkan orang ramai mengetahui latar belakang kes dan cadangan penambahbaikan yang sedang dan akan dilaksanakan.

Sebagai bekas anggota Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia, saya memandang berat kelemahan yang dipaparkan mengenai KPKT dalam laporan berkenaan. Saya akan terus mengenal pasti jalan terbaik untuk memperbaiki proses dan amalan kerja kementerian, sebagaimana yang diamanahkan oleh rakyat.

Ini termasuk memperkukuhkan proses audit dalaman KPKT untuk memastikan pelaksanaan projek-projek dan perolehan berjalan dengan teratur, supaya kepentingan rakyat terjamin.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Landskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my